

Analisis Kefahaman Kewajipan Solat dan Kefasihan Bacaan al-Fatihah dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan (Analysis of al-Fatihah Recitation and Solat Obligation among Engineering Student)

Ahmad Muhammin bin Mohamad

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Rohana binti Hamzah

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Anita binti Abdul Rani

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Rashidi bin Abbas

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Mohd Suhardi bin Mat Jusoh

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Siti Fatihah binti Ghazali

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Nurul Fatihah binti Abdul Rahman

Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan tahap kefahaman kewajipan solat dalam kalangan pelajar peringkat diploma, sarjana muda (degree), dan sarjana muda berkembar (dual-degree) yang mengikuti program pengajian berteraskan kejuruteraan salah sebuah universiti awam. Kutipan data dibuat menerusi tugas individu dalam salah satu subjek wajib universiti. Seramai 712 pelajar Muslim dilibatkan dalam kajian ini dari 1165 jumlah pelajar mengambil subjek kemahiran Insaniah dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Semua tugas dan penilaian dibuat menerusi portal e-pembelajaran. Penilaian secara kualitatif iaitu analisis isi kandungan diikuti analisis kuantitatif iaitu deskriptif, ujian ANOVA satu hala, dan pengiraan korelasi Pearson bertujuan menjawab persoalan kajian dan menguji hipotesis. Hasil analisis mendapat terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan pelajar bagi tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan pemahaman kewajipan solat. Pengiraan korelasi menunjukkan terdapat perbezaan hubung-kait mengikut kumpulan. Perbincangan mengandaikan tahap kognitif, aras pemikiran, didikan individu, dan latar belakang keluarga sebagai faktor utama mempengaruhi tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan kefahaman kewajipan solat. Implikasi dan cadangan kajian lanjutan dinyatakan sebagai sumbangan kajian.

Kata kunci: Bacaan Al-Fatihah, Kewajipan Solat, Pendikan Islam, Perbandingan Peringkat Pengajian.

Abstract

The aim of this research is to identify Al-Fatihah recitation level and Solat obligation among diploma, degree, and dual-degree students in engineering-based programme in one of technical based public university. Data collection was made by assigning individual task of university compulsory subject called Soft Skills. 712 Muslim students were involved in this research among 1165 registered students using purposive sampling technique. All task and evaluation process via e-learning portal. Qualitative approach namely content analysis followed by quantitative method namely descriptive analysis, one-way ANOVA, and Pearson correlation test were used to answer research question and hypothesis testing. As a result, there are significant different of Al-Fatihah recitation level and solat obligation

Article Progress
Received: 4 April 2022
Revised: 19 April 2022
Accepted: 3 May 2022

among group. The correlation test show that there is significant correlation among the variable. The discussion assumes that cognitive and thinking level, personal and family background are the vital factors of analysis output. As a research contribution, the implication and further research was stated at the end of paper.

Keywords: Al-Fatihah Recitation, Solat Obligation, Islamic Education, Study Level Comparison.

1. PENGENALAN

Rukun Islam menyatakan ibadat solat sebagai rukun kedua yang wajib dilakukan oleh umat Islam 5 kali sehari semalam dengan syarat mewajibkan; baligh, berakal, dan suci dari hadas. Solat adalah tiang agama dan kunci kepada ibadat dan amalan lain. Adalah wajib untuk setiap umat Islam memahami kewajipan solat yang diperintahkan Allah, dan bukannya menunaikan solat niat selain dari Allah. Seterusnya terdapat 13 rukun solat yang meliputi rukun hati (*qolbi*), bacaan (*qauli*) dan perbuatan (*fi'li*). Salah satu bacaan dalam rukun bacaan ialah membaca surah Al-Fatihah di dalam Bahasa Arab dengan bacaan yang betul dari segi tajwid dan kelancaran. Jika bacaan Al-Fatihah tidak sempurna dari segi tajwid, *makhraj* (sebutan), dan kelancaran, maka solat dikira tidak sempurna walaupun sah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Oleh itu, penting untuk individu memastikan kesempurnaan bacaan Al-Fatihah bertujuan mencapai maksud kesempurnaan solat.

Usaha meningkatkan kefahaman kewajipan solat tidak sewajarnya terhenti pada suatu tahap pendidikan, tetapi perlu berterusan sepanjang hayat individu Muslim bertujuan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah. Begitu juga dengan penambahbaikan kesempurnaan bacaan ayat Al-Quran terutama Al-Fatihah lantaran bacaan wajib dalam solat.

Sehubungan itu, penawaran subjek wajib universiti iaitu kemahiran insaniah oleh Jabatan Sains Sosial salah sebuah universiti awam menetapkan semua pelajar Muslim dinilai dari segi kefasihan bacaan Al-Fatihah. Penilaian ini juga adalah sebagai asas kepada pembinaan kerohanian pelajar bagi mencapai maksud “kekuatan hubungan dengan Tuhan” iaitu salah satu nilai teras universiti. Tidak hanya menilai, pelajar diberikan bimbingan (sesi tahsin) kefasihan bacaan Surah Al-Fatihah.

2. PERNYATAAN KAJIAN

Seramai 712 pelajar Muslim yang mengambil subjek kemahiran Insaniah dengan komposisi; diploma (205), degree (469), dan dual-degree (38) dilibatkan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti; (i) tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah, dan (ii) pemahaman kewajipan solat. Skor bagi semua penilaian tersebut dikategorikan seperti berikut;

Jadual 1: Kategori Penilaian / Skor

- | | |
|-------------------|--------------------|
| • Sangat baik [5] | • Lemah [2] |
| • Baik [4] | • Sangat lemah [1] |
| • Sederhana [3] | |

Semua kutipan data berbentuk kualitatif iaitu rakaman video bacaan Al-Fatihah dan refleksi pemahaman kewajipan solat dinilai secara analisis isi kandungan berdasarkan rubrik (rujuk Jadual 2). Hasil analisis seterusnya dinilai secara kuantitatif bagi membantu menjawab persoalan dan menguji hipotesis kajian.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut;

- i. Mengenal pasti tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan responden.
- ii. Mengenal pasti tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan responden.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan kumpulan responden.
- iv. Mengenal pasti perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan kumpulan responden.
- v. Mengenal pasti perkaitan tahap pemahaman kewajipan solat dan kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan kumpulan responden.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan yang perlu dijawab pada akhir kajian;

- i. Apakah tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan responden?
- ii. Apakah tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan responden?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan kumpulan responden?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan kumpulan responden?
- v. Adakah terdapat perkaitan tahap pemahaman kewajipan solat dan kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan kumpulan responden?


5. HIPOTESIS KAJIAN

Berikut adalah hipotesis yang perlu dibuktikan pada akhir kajian;

Hipotesis	Hipotesis _{null}	Hipotesis _{alternatif}
1	Tidak terdapat perbezaan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah antara kumpulan responden.	Terdapat perbezaan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah antara kumpulan responden.
2	Tidak terdapat perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat antara kumpulan responden.	Terdapat perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat antara kumpulan responden.
3	Tidak terdapat perkaitan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan kumpulan responden.	Terdapat perkaitan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan tahap pemahaman kewajipan solat dalam kalangan kumpulan responden.

6. KERANGKA KAJIAN

Berikut adalah kerangka panduan kajian;



7. KAJIAN LITERATUR

Kajian oleh Mohd Faizal Mat Pesa et al, (2013) ke atas 16 pelajar semester 1 kejuruteraan institut pendidikan teknikal mendapati tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah pelajar adalah sederhana atas faktor ketidak sempurnaan penguasaan ilmu tajwid. Keputusan sama turut diperolehi oleh Ahmad Rozaini Ali Hasan et al, (2009) yang menunjukkan faktor penguasaan tajwid mempengaruhi 56 pelajar sukar menyebut dengan betul dan tepat bacaan Al-Quran.

Kajian oleh Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad et al, (2017) ke atas pelajar pengajian Islam pusat asasi salah sebuah institut pengajian swasta menunjukkan tahap bacaan Al-Fatihah adalah baik dengan faktor program pengajian dikenal pasti signifikan. Namun demikian, faktor program dan peringkat pengajian tidak boleh dikaitkan dengan tahap penguasaan dan pembacaan Al-Quran yang secara keseluruhan didapati baik seperti mana hasil kajian Mohd. Aderi Che Noh (2015). Sebaliknya faktor sistem persekolahan awalan dan latar belakang pendidikan agama mempengaruhi dapatkan kajian ini. Sekiranya pelajar datang dari pelbagai latar belakang mungkin memberikan cabaran berbeza dari segi pengajaran bahkan tahap penguasaan Al-Quran (Ibrahim et al., 2017).

Satu program peningkatan bacaan Al-Fatihah menggunakan platform e-pembelajaran dilaksanakan ke atas sekumpulan pelajar pengajian Islam menunjukkan peningkatan bagi kumpulan eksperimen lebih signifikan berbanding peningkatan kumpulan kawalan dengan responden menyatakan pelaksanaan program berkenaan sangat membantu. Selain platform e-pembelajaran, aplikasi multimedia dikenal pasti mungkin boleh membantu pelajar mempelajari teks bahasa Arab yang seterusnya memudahkan pembelajaran Al-Quran termasuk bacaan dalam solat (Lubis et al., 2013)

Selain program peningkatan bacaan, pendidik juga boleh menekankan faktor kelebihan surah Al-Fatihah. Sebagai contoh, Surah Al-Fatihah itu sendiri mempunyai prinsip kepimpinan seperti; kasih sayang, keprihatinan, pro-aktif, kerjasama, dan kerja sebagai ibadah yang mana signifikan kepada pemimpin Muslim (Abdullah et al., 2016). Bacaan Al-Fatihah juga dikenal pasti sebagai terapi mengawal tekanan dengan mengamalkannya sebagai zikir (Ali et al., 2018) bahkan mendengar bacaan Al-Quran dikenal pasti membantu memberi keputusan tepat ECG bertujuan menilai fisiologi (Syed Zohaib Hassan et al., 2020). Dari aspek praktikal, dikenal pasti bacaan Al-Quran mampu memberi ketenangan mempengaruhi gaya pemanduan (Diah et al., 2019).

Selain bacaan Al-Quran, pelajar juga perlu ditekankan kewajipan pelaksanaan ibadah solat dengan sempurna. Kajian oleh Mohd Sabri Mamat et al., (2009) mendapati amalan seperti solat, zikir, dan membaca Al-Quran menyumbang peningkatan emosi kendiri individu. Seterusnya kajian Aerisuli Awang (2011) mendapati terdapat hubungan positif penghayatan ibadah dan hubungan sosial pelajar.

Kajian Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli (2021) mendapati responden menyatakan terdapat kesan pelaksanaan solat kepada akhlak seperti menjauhkan sikap tidak baik. Begitu juga kajian Mohd Khusyairie Marzuki et al., (2019) mendapati persepsi pelajar kepada solat signifikan mempengaruhi pembentukan sahsiah mulia. Kajian berkaitan khusyuk badan pula didapati memberi kesan mencegah perbuatan keji dan mungkar (Muhammad Saiful Anuar Yusoff et al., 2018).

Seterusnya, beberapa kajian berkaitan pelaksanaan solat menunjukkan perbezaan dapatan mengikut kumpulan responden dan fokus. Kajian Shukri Ahmad et al., (2014) ke atas 1000 pelajar tahun 1 – 4 pelbagai jurusan salah sebuah universiti awam mendapati tahap penghayatan dan pelaksanaan solat adalah rendah yang menyebabkan tahap pengimaranan masjid juga rendah. Mungkinkah dapatan ini boleh dikaitkan dengan tahap pemahaman kepetingan solat? Dapatkan kajian oleh Mohd Zainal Abidin bin Che Mood et al., (2015) mendapati situasi sebaliknya berlaku iaitu walaupun responden menunjukkan tahap pengetahuan dan pemahaman kepetingan solat, sebaliknya tahap pengamalan masih sederhana atau kurang memuaskan.

Terdapat pelbagai cara dalam kajian sebelum bagi meningkatkan pengamalan solat kalangan pelajar. Antaranya, Mohd Farid Hafidz Ahmad dan Mohamad Khairi Haji Othman (2016) telah melibatkan responden kepada program dakwah yang secara tidak langsung membantu meningkatkan ibadat solat dalam kalangan peserta. Manakala Ruhaida Abdullah dan Nurul Ilyana Muhd Adnan (2018) telah melaksanakan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) bertujuan meningkatkan kesempurnaan ibadat khususnya solat dalam kalangan peserta. Secara ringkas, faktor pengajaran guru seperti daya tarikan terhadap solat, penerapan pengetahuan, dan motivasi memainkan peranan pada menarik minat pelajar ke atas pelaksanaan pengibadatan solat (Nurul Syuhada Johari et al., 2016).

8. METODOLOGI KAJIAN

a. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan dua pendekatan; pertama, kualitatif iaitu pada kutipan data dan penilaian tugas (video bacaan Al-Fatihah dan refleksi pemahaman kewajipan solat), dan kedua, secara kuantitatif iaitu analisis deskriptif ke atas hasil penilaian kutipan data (tugas), dan ujian statistik bertujuan mengenal pasti perbezaan pencapaian antara kumpulan. Ujian ANOVA satu hala (*one-way ANOVA*) yang membandingkan nilai purata dua atau lebih kumpulan sampel (Eva Ostertagová dan Oskar Ostertag, 2013) dan ujian Pearson bertujuan menguji korelasi antara boleh ubah (Carlson, K.A dan Winquist, J.R., 2018; dan Faiza Qureshi, et al., 2012).

b. Instrumen

Satu instrumen utama kajian berbentuk tugas iaitu pelajar diminta; (i) merakamkan bacaan Al-Fatihah, dan (ii) refleksi pemahaman kewajipan solat. Setiap tugas disertakan rubrik (lihat Jadual 2) penilaian sebagai panduan dengan markah penuh setiap tugas ialah 5.

c. Persampelan

Semua pelajar tahun 1 beragama Islam dari pelbagai program pengajian berteraskan kejuruteraan merentas fakulti salah sebuah universiti teknikal yang mengambil subjek kemahiran Insaniah dilibatkan dalam kajian ini. Teknik persampelan bertujuan memilih 712 pelajar Muslim dari jumlah keseluruhan 1165 pelajar yang terdiri dari pelajar diploma (205), degree, (469), dan dual-degree (38). Jumlah responden yang tinggi (61.1%) diandaikan atas faktor instrumen adalah tugas subjek.

d. Pelaksanaan Kajian

Semua proses kutipan data dan pengajaran dilaksanakan menerusi portal e-pembelajaran. Kajian dimulakan dengan penerangan tugas masa nyata (*synchronous*) dan penerangan bertulis. Setiap tugas disertakan video panduan dengan tempoh dua minggu untuk menghantar semua tugas. Setelah tempoh tugas tamat, video bacaan Al-Fatihah dan refleksi pemahaman kewajipan solat dinilai berdasarkan rubrik (Jadual 2). Semua proses penilaian dan pemarkahan dibuat dalam portal e-pembelajaran. Data seterusnya dimuat turun dan dibersihkan untuk dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS).

9. ANALISIS DATA

Proses analisis dilaksanakan dengan merujuk keperluan menjawab persoalan kajian. Langkah pertama ialah penilaian secara analisis isi kandungan berdasarkan rubrik (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Rubrik Penilaian dan Skor

Aras	Skor	Bacaan Al-Fatihah (Kefasihan)	Pemahaman Kewajipan Solat
Sangat baik	5	Bacaan yang lancar tanpa kesilapan nyata dalam tajwid dan sebutan huruf Arab	Pelajar sangat berkemampuan menyatakan pemahaman kewajipan solat dengan baik.
Baik	4	Pelajar boleh membaca dengan lancar tetapi kurang pada kesilapan tajwid dan sebutan huruf/bahasa Arab.	Pelajar jelas menyatakan pemahaman kewajipan solat dengan baik.
Sederhana	3	Pelajar boleh membaca dengan sederhana lancar tetapi banyak kesilapan tajwid dan sebutan huruf/perkataan Bahasa Arab	Pelajar boleh menyatakan pemahaman dengan sederhana kewajipan solat.
Lemah	2	Pelajar boleh membaca tetapi tidak menyedari kesilapan dengan kelemahan dalam tajwid dan sebutan huruf/perkataan Bahasa Arab	Pelajar kurang jelas (<i>unsatisfactorily</i>) menyatakan pemahaman kewajipan solat.
Sangat lemah	1	Pelajar tidak boleh membaca dengan kesalahan tajwid yang banyak dan lemah dalam sebutan huruf Arab	Pelajar tidak dapat menyatakan pemahaman kewajipan solat.

Analisis bacaan Al-Fatihah dilakukan dengan bantuan 20 orang fasilitator pelajar tahun 4 yang mengikuti program Tahsin Al-Quran anjuran Pusat Islam Universiti. Manakala analisis pemahaman kewajipan solat dibuat oleh para pensyarah subjek yang berjumlah 16 orang. Semua hasil penilaian diterjemahkan dalam bentuk kuantiti yang seterusnya dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, purata, peratusan (Kaur P, et al., 2018) bertujuan mengenal pasti tahap pencapaian mengikut kumpulan responden.

Perbezaan pencapaian mengikut kumpulan dianalisis menggunakan ujian ANOVA satu hala (perbandingan purata) (Eva Ostertagová dan Oskar Ostertag, 2013). Seterusnya ujian korelasi Pearson untuk menguji korelasi antara pemboleh ubah (Obilor, E.I., dan Amadi, E.C., 2018).

10. DAPATAN KAJIAN

a. Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah (Diploma, Degree, dan Dual-Degree)

Jadual 3: Analisis Kekerapan Kefasihan Bacaan Al-Fatihah

Tahap	Diploma	Degree	Dual-Degree	Jumlah
Sangat baik (5)	13(6.3%)	75(16%)	5(13.2%)	93(13.1%)
Baik (4)	83(40.5%)	187(39.9%)	10(26.3%)	280(39.3%)
Sederhana (3)	94(45.9%)	189(40.3%)	21(55.3%)	304(42.7%)
Lemah (2)	15(7.3%)	18(3.8%)	2(5.3%)	35(4.9%)
Sangat lemah (1)	0	0	0	0
n	205	469	38	712
\bar{x}	3.46*	3.7*	3.47*	
Sisihan piawai (SD)	0.72	0.78	0.9	

* Perbezaan nilai

Dip. & Deg. = 0.24 | Deg. & Dual = 0.23 | Dip. & Dual = 0.01

Jadual 3 menunjukkan 94 (45.9%) pelajar diploma berada pada tahap sederhana diikuti 83(40.5%) pada tahap baik dengan purata 3.46 (sederhana). Dua kelompok terbesar degree berada pada tahap sederhana (189 / 40.3%) dan baik (187 / 39.9%) dengan purata 3.7 (sederhana menghampiri baik). Analisis seterusnya mendapati walaupun pelajar dual-degree hanya 38 pelajar, tetapi kelompok terbesar seramai 21 (55.3%) berada pada tahap sederhana diikuti 10(26.3%) pelajar pada tahap baik dan hanya 5 pelajar (13.2%) pada tahap sangat baik dengan purata 3.47 (sederhana). Adakah analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah antara kumpulan pelajar?

b. Perbezaan Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah Pelajar Diploma, Degree, dan Dual-Degree

Ujian ANOVA satu hala menggunakan perisian SPSS bertujuan mengenal pasti perbezaan tahap kefasihan antara kumpulan pelajar dan menguji hipotesis null dengan mendapatkan keputusan; analisis deskriptif (purata skor dan sisihan piawai), ujian Homogeneity of Variances (perbezaan variasi skor), jadual ANOVA (penentuan kewujudan perbezaan), dan analisis perbandingan pelbagai.

Jadual 4(a): Analisis Deskriptif Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah

Kumpulan N Purata Sisihan Piawai			
Diploma	205	3.46	.72
Degree	469	3.68	.78
Dual-degree	38	3.47	.8
Jumlah	712	3.6	.77

Jadual 4(b): Ujian Homogeneity of variance (Al-Fatihah)

Levene Statistic	df1	df2	Sig.
.939	2	709	.391

Jadual 4(c): Analisis ANOVA (Al-Fatiyah)

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	7.703	2	3.851	6.527	.002
Within Groups	418.397	709	.590		
Total	426.100	711			

Jadual 4(d): Analisis Perbandingan Pelbagai (Al-Fatiyah)

(I) Kursus	(J) Kursus	Perbezaan purata (I-J)	Sisihan piawai	Sig.
Diploma	Degree	-.222*	.064	.002
	Dual-degree	-.0152	.136	.999
Degree	Diploma	.222*	.064	.002
	Dual-degree	.206	.13	.298
Dual-degree	Diploma	.0152	.136	.999
	Degree	-.206	.13	.298

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

Jadual 4(a) menunjukkan purata skor tahap kefasihan bacaan Al-Fatiyah bagi tiga kumpulan; degree (3.68, SD=0.78), dual-degree (3.47, SD = 0.8), dan diploma (3.46, 0.72). Secara keseluruhan purata skor diploma dan dual-degree pada aras sama (sederhana rendah), dan purata skor degree (sederhana tinggi). Manakala julat keserakan skor semua kumpulan hampir sama dengan sisihan piawai antara 0.72 – 0.8 yang mungkin menunjukkan variasi skor hampir sama. Adakah variasi skor dan perbandingan purata signifikan berbeza atau sebaliknya? Ujian Homogeneity of Variances (Jadual 4b) menunjukkan nilai $p=0.391$ ($p>0.05$) iaitu perbezaan variasi skor antara kumpulan adalah tidak signifikan atau variasi skor adalah sama bagi semua kumpulan.

Seterusnya ujian ANOVA satu hala mendapat nilai $F=6.527$ ($p=0.002$, $p<0.05$) yang menunjukkan wujud perbezaan signifikan purata skor antara kumpulan. Oleh itu, Hipotesis null gagal diterima. Analisis perbandingan pelbagai seterusnya menentukan skor purata kumpulan manakah yang berbeza. Jadual 4(d) menunjukkan perbezaan purata skor antara tiga kumpulan. Didapati purata skor diploma dan degree berbeza sebanyak 0.22 ($p=0.002$, $p<0.05$) yang menunjukkan wujud perbezaan signifikan. Seterusnya purata skor diploma dan dual-degree berbeza sebanyak 0.015 ($p=0.999$, $p>0.05$) yang menunjukkan tidak wujud perbezaan signifikan.

Akhir sekali, purata skor degree dan dual-degree berbeza 0.206 ($p=0.298$, $p>0.05$) iaitu tiada perbezaan signifikan. Oleh itu, keputusan ujian ANOVA satu hala menyokong perbezaan purata skor seperti di Jadual 3.

c. Tahap Pemahaman Kewajipan Solat (Diploma, Degree, dan Dual-Degree)

Hasil analisis deskriptif kepada penilaian refleksi pemahaman kewajipan solat semua kumpulan pelajar ditunjukkan pada Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Kekerapan Pemahaman Kewajipan Solat Kumpulan Pelajar

Tahap	Diploma	Degree	Dual-Degree	Jumlah
Sangat baik (5)	27(13.2%)	75(16%)	16(42.1%)	118(16.6%)
Baik (4)	84(41%)	187(39.9%)	20(52.6%)	291(40.1%)
Sederhana (3)	71(34.6%)	151(32.2%)	2(5.3%)	224(31.5%)
Lemah (2)	20(9.8%)	53(11.3%)	0	73(10.3%)

Sangat lemah (1)	3(1.5%)	3(0.6%)	0	6(0.8%)
n	205	469	38	712
\bar{x}	3.55*	3.6*	4.37*	
Sisihan piawai (SD)	0.89	0.91	0.59	

* Perbezaan purata

Dip. & Deg. = 0.5 | Deg. & Dual = 0.75 | Dip. & Dual = 0.8

Jadual 5 menunjukkan majoriti pelajar diploma iaitu 84(41%) berada pada tahap baik diikuti 71(34.6%) pada tahap sederhana dengan purata 3.55 (sederhana tinggi). Begitu juga pelajar degree dengan kelompok terbesar iaitu 187(39.9%) berada pada tahap baik, diikuti 151(32.2%) pada tahap sederhana dengan purata keseluruhan 3.6 (sederhana tinggi). Walaupun purata tahap pencapaian pelajar diploma dan degree hampir sama (perbezaan 0.5), tetapi peratusan pelajar degree mendapat tahap sangat baik adalah tinggi (berbeza 2.8%) berbanding pelajar diploma.

Analisis seterusnya mendapati kelompok terbesar pelajar dual-degree berada pada tahap baik iaitu seramai 20(52.6%) diikuti 16(42.1%) pelajar pada tahap sangat baik dan hanya 2 pelajar (5.3%) pada tahap sederhana dengan purata keseluruhan 4.37 (baik rendah). Perbandingan kekerapan kelompok dan nilai purata mendapati tahap pemahaman kewajipan solat pelajar dual-degree berada pada tahap baik menghampiri sangat baik diikuti pelajar degree dan diploma. Adakah dapatan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat antara kumpulan pelajar?

d. Perbezaan Tahap Kefahaman Kewajipan Solat (Diploma, Degree dan Dual-Degree)

Analisis seterusnya iaitu ujian ANOVA satu hala menggunakan perisian SPSS menghasilkan empat keputusan; analisis deskriptif (purata skor dan sisihan piawai), ujian Homogeneity of Variances (perbezaan variasi skor), jadual ANOVA (penentuan kewujudan perbezaan), dan analisis perbandingan pelbagai.

Jadual 6(a): Analisis Perbandingan Purata Skor Tahap Kefahaman Kewajipan Solat

Kursus	N	Purata	Sisihan piawai (SD)	Minimum	Maksimum
Diploma	205	3.55	.89	1.00	5.00
Degree	469	3.59	.91	1.00	5.00
Dual-degree	38	4.37	.59	3.00	5.00
Jumlah	712	3.62	.91	1.00	5.00

Jadual 6(b): Ujian Homogeneity of variance (Solat)

Levene Statistic	df1	df2	Sig.
4.785	2	709	.009

Jadual 6(c): Ujian ANOVA (Solat)

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	22.745	2	11.373	14.325	.000
Within Groups	562.867	709	.794		
Total	585.612	711			

Jadual 6(d): Analisis Perbandingan Pelbagai (Solat)

	(I) Kursus	(J) Kursus	Perbezaan Purata (I-J)	Sig.
Degree	Diploma	Degree	-.04641	.899
	Diploma	Dual-degree	-.82208*	.000
Dual-degree	Diploma	Degree	.04641	.899
	Diploma	Dual-degree	-.77567*	.000
Degree	Diploma	Diploma	.82208*	.000
	Diploma	Degree	.77567*	.000

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.
 ** Sidak digunakan kerana perbezaan bilangan sampel

Merujuk Jadual 6(a), didapati purata skor bagi diploma ialah 3.55 ($SD=0.89$), degree (3.59, $SD=0.91$), dan dual-degree (4.37, $SD=0.59$). Analisis sisihan piawai mendapati serakan skor diploma dan degree lebih tinggi dengan skor minimum dan maksimum (1 - 5). Sebaliknya sisihan piawai dual-degree lebih rendah (serakan skor antara 3 – 5). Ini seterusnya menyokong hasil analisis deskriptif (Jadual 5). Dapatkan ini juga membawa maksud secara keseluruhan pencapaian pelajar dual-degree adalah lebih baik berbanding pelajar degree dan diploma. Adakah perbezaan antara kumpulan ini signifikan atau sebaliknya? Ujian Homogeneity of Variances (Jadual 6b) menunjukkan nilai $p=0.009$ ($p<0.05$) iaitu wujud perbezaan signifikan pada variasi skor antara tiga kumpulan. Seterusnya ujian ANOVA satu hala mendapati nilai $F=14.325$ ($p=0.000$, $p<0.05$) iaitu wujud perbezaan signifikan purata skor antara kumpulan. Oleh itu, Hipotesis_{null} gagal diterima.

Adakah wujud perbezaan signifikan purata skor antara kumpulan? Analisis perbandingan pelbagai mendapati tidak signifikan pada purata skor diploma - degree dengan perbezaan 0.046 ($p=.899$, $p>.05$). Sebaliknya wujud perbezaan signifikan antara purata skor diploma - dual-degree sebanyak 0.822 ($p=.000$; $p<.05$). Akhir sekali, purata skor degree dan dual-degree adalah signifikan berbeza 0.78 ($p=.000$, $p<.05$). Dapatkan ini menyokong perbandingan purata skor antara kumpulan (Jadual 5).


e. Analisis Perkaitan Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah dan Tahap Pemahaman Kewajipan Solat.

Analisis seterusnya iaitu ujian korelasi Pearson bagi melihat perkaitan antara dua pemboleh ubah (Knapp, H. 2016) dan menguji hipotesis_{null} seperti ditunjukkan pada Jadual 7.


Jadual 7: Ujian korelasi Pearson Bacaan Al-Fatihah dan Kefahaman Kewajipan Solat

Item	Diploma	Degree	Dual-degree
N	205	469	38
M _{Al-Fatihah} [SD]*	3.46 [0.723]	3.38 [0.78]	3.47 [0.80]
M _{Solat} [SD]*	3.55 [0.893]	3.59 [0.91]	4.37 [0.59]
Pearson-R	0.066	0.099	0.367
Sig. (2-tailed)	0.351	0.033	0.024
Keputusan	Tidak signifikan (korelasi sangat lemah)	Signifikan (korelasi yang lemah)	Signifikan (korelasi sederhana kuat)
H _{null}	Diterima	Ditolak	Ditolak
Rajah Scatterplot	1	2	3


* Petunjuk: 3 = Sederhana; 4 = Baik (rujuk rubrik Jadual 2)



Rajah 1: Scatterplot Diploma



Rajah 2: Scaterrplot Degree



Rajah 3: Scaterrplot Dual-degree

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian korelasi Pearson antara tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan tahap kefahaman kewajipan solat bagi semua kumpulan. Secara keseluruhan, kumpulan diploma mendapat purata 3.46 ($SD=0.723$) bagi tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan 3.55 ($SD=0.893$) bagi tahap kefahaman kewajipan solat. Ujian korelasi menunjukkan tiada perkaitan signifikan dengan korelasi sangat lemah ($r=0.066$, $p=0.351$; $p>0.05$) yang berkemungkinan pelajar merasakan kefasihan bacaan Al-Fatihah tidak berkait dengan solat.

Seterusnya, purata kumpulan degree adalah 3.38 ($SD=0.78$) bagi tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan 3.59 ($SD=0.91$) bagi tahap kefahaman kewajipan solat. Ujian korelasi menunjukkan wujud perkaitan signifikan dengan korelasi lemah ($r=0.099$, $p=0.033$; $p<0.05$) dengan andaian pelajar berpendapat kefasihan bacaan Al-Fatihah berkait rapat kefahaman kewajipan solat.

Akhir sekali, kumpulan dual-degree mendapat purata 3.47 ($SD=0.8$) bagi tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah dan 4.37 ($SD=0.59$) bagi tahap kefahaman kewajipan solat. Ujian korelasi menunjukkan wujud perkaitan signifikan dengan korelasi sederhana kuat, $r=0.367$ ($p=0.024$, $p<0.024$) dengan andaian pelajar memahami kefasihan bacaan Al-Fatihah penting bagi kesempurnaan solat.

11. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

a. Perbincangan Kefasihan Bacaan Al-Fatihah

Analisis kekerapan mendapati semua kumpulan berada pada tahap sederhana bagi kefasihan bacaan Al-Fatihah dengan majoriti pada tahap sederhana. Analisis purata mendapati; kumpulan degree pada tahap sederhana tinggi, manakala kumpulan diploma dan dual-degree pada tahap sederhana rendah. Analisis ujian ANOVA satu hala mengesahkan daptatan ini. Nilai sisihan piawai dalam julat kecil dan hampir sama bagi semua kumpulan mencadangkan kurang variasi pada skor keseluruhan. Dapatkan ini disokong ujian Homogeneity of Variance; variasi skor semua kumpulan tidak signifikan.

Ujian ANOVA menunjukkan wujud perbezaan signifikan purata skor antara kumpulan. Oleh itu, hipotesis_{null} gagal diterima. Analisis perbandingan pelbagai menunjukkan perbezaan signifikan kumpulan diploma dan degree. Manakala tidak signifikan bagi diploma dengan dual-degree dan degree dengan dual-degree. Secara keseluruhan, tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah berada pada tahap sederhana semua kumpulan dengan kumpulan degree sedikit tinggi berbanding diploma dan dual-degree. Perbezaan ini signifikan (dibandingkan dengan kumpulan diploma) walaupun kecil.

Berdasarkan perbincangan analisis, diandaikan tahap kefasihan bacaan Al-Quran tidak bergantung kepada peringkat pengajian, daya kognitif, dan aras pemikiran seperti dapatan analisis pemahaman kewajipan solat. Sebaliknya diandaikan faktor individu seperti; usaha mempelajari bacaan Al-Quran, peringkat umur belajar mengaji, dan latar belakang keluarga. Selain itu, mungkin sebahagian pelajar merasakan Al-Quran sebagai sumber motivasi mengurang tekanan (Mohd Safri Ali, et al., 2018).

Kajian oleh Ahmad Rozaini Ali Hasan et al., (2009) dalam kalangan pelajar diploma semester satu mendapati tahap kemahiran membaca Al-Quran adalah sederhana disebabkan masalah menguasai ilmu tajwid. Faktor keluarga dikenal pasti sebagai mempengaruhi kemahiran membaca Al-Quran. Masalah penguasaan tajwid juga dikenal pasti Mohd Faizal Mat Pesa, et al., (2012) mempengaruhi tahap bacaan yang sederhana dalam kalangan pelajar diploma. Seterusnya kajian dalam kalangan pelajar asasi oleh Wan Fakhru Razi Wan Mohamad, et al., (2017) mendapati tahap kefahaman terhadap surah Al-Fatihah adalah baik dengan faktor program pengajian (Pengajian Islam) dikenal pasti mempengaruhi. Kajian dalam kalangan pelajar sekolah rendah oleh Hajah Doriani binti Haji Julaihi, et al., (2019) mendapati pencapaian (bacaan) pelajar adalah rendah pada peringkat awal, dan meningkatkan kepada sempurna pada ujian pos ketiga setelah sesi bimbingan dan latihan.

b. Perbincangan Pemahaman Kewajipan Solat

Secara keseluruhan kumpulan dual-degree berada pada tahap baik dengan majoriti pelajar pada tahap baik diikuti sangat baik. Seterusnya kumpulan pelajar degree diikuti diploma secara keseluruhan pada tahap sederhana bagi pemahaman kewajipan solat.

Analisis deskriptif diteruskan dengan ujian ANOVA satu hala bagi mengenal pasti perbezaan purata skor antara kumpulan pelajar. Analisis perbandingan pelbagai menunjukkan perbezaan purata skor kumpulan, iaitu; tidak signifikan bagi diploma dengan degree, sebaliknya signifikan bagi diploma dengan dual-degree, dan degree dengan dual-degree. Seterusnya ujian Homogeneity of Variance menunjukkan wujud perbezaan signifikan dalam variasi skor antara 3 kumpulan. Adakah dapatan kajian ini menyokong atau berbeza dengan kajian sebelum?

Kajian oleh Mohd Khusyairie Marzuki et al., (2018) dalam kalangan responden peringkat degree mendapati tahap pemahaman solat adalah tinggi dengan andaian dipengaruhi faktor kefarduan

solat yang ditekankan dalam kajian berkenaan. Begitu juga kajian oleh Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizah Zulkifli (2021) dalam kalangan pelajar sekolah rendah mendapati tahap kefahaman dan penghayatan solat fardu adalah tinggi, tetapi rendah pada tahap pengamalan. Begitu juga dengan kajian Hasna Bidin et al., (2015) mendapati tahap kefahaman responden peringkat sijil adalah tinggi dengan andaian faktor fokus item mempengaruhi pendapat responden.

Terdapat beberapa kajian dengan dapatan berbeza, Hasna Bidin dan Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah (2020) mendapati tahap pemahaman solat fardu dalam kalangan pelajar peringkat sijil adalah memuaskan (atau sederhana) dengan andaian kurang penghayatan konsep penghambaan kepada Maha Pencipta. Konsep penghayatan solat termasuk aspek pelaksanaan juga didapati sederhana dalam kalangan 813 pelajar degree salah sebuah universiti awam dengan cadangan faktor didikan ibu bapa dan kefahaman agama mempengaruhi dapatan kajian (Nur Hidayah Zainal et al., 2021).

Berdasarkan beberapa dapatan kajian dinyatakan, boleh dikatakan tahap kefahaman kewajipan solat adalah berbeza walaupun pada peringkat pengajian sama, dan secara keseluruhan majoriti responden memahami kewajipan solat dengan baik, tetapi sederhana dari segi penghayatan dan pelaksanaan.

c. Perbincangan Perkaitan Antara Tahap Kefahaman Kewajipan Solat dan Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah.

Ujian korelasi Pearson perkaitan kefasihan bacaan Al-Fatihah dan kefahaman kewajipan solat menunjukkan hasil berbeza; signifikan bagi dual-degree (korelasi sederhana kuat) dan degree (korelasi lemah), dan tidak signifikan bagi diploma (korelasi sangat lemah). Analisis ini mengandaikan pelajar memahami perlunya kefasihan bacaan Al-Fatihah bagi tujuan kesempurnaan solat. Andaian ini juga mungkin dipengaruhi faktor; peringkat dan program pengajian, aras kognitif dan tahap pemikiran, didikan agama, dan latar belakang keluarga.

d. Kesimpulan Tahap Kefasihan Bacaan Al-Fatihah Antara Kumpulan Pelajar

Keputusan analisis dan hasil perbincangan mendapati secara purata tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah semua peringkat adalah sederhana. Faktor individu dicadangkan sebagai perkara utama mempengaruhi dapatan ini. Tinjauan kajian literatur mengenal pasti masalah penguasaan tajwid serta kebolehan *makhraj* mempengaruhi bacaan Al-Quran. Begitu juga latar belakang keluarga seperti didikan membaca Al-Quran mungkin boleh dikaitkan.

e. Kesimpulan Tahap Pemahaman Kewajipan Solat Antara Kumpulan Pelajar

Keputusan analisis dan hasil perbincangan mencadangkan dua kemungkinan; pertama, kumpulan pelajar dual-degree (syarat kemasukan sekurangnya 3.4 PNGK di peringkat diploma) dikenal pasti mempunyai pengetahuan dan asas pemahaman lebih baik berkaitan kewajipan solat dengan andaian dipengaruhi faktor kognitif dan aras pemikiran yang membawa kepada andaian kedua iaitu pembinaan pengetahuan dan pemahaman lebih baik dan dalam masa singkat selepas mengikuti sesi ceramah (kewajipan solat) dipengaruhi faktor kognitif. Walaupun andaian ini berdasarkan analisis data dan ujian statistik, namun kajian lanjutan dicadangkan.

Berdasarkan perbincangan kajian literatur, didapati peringkat pengajian kurang mempengaruhi pemahaman solat, sebaliknya sederhana pada penghayatan dan pelaksanaan solat. Fokus kajian ini ialah mengenal pasti perbezaan tahap pemahaman kewajipan solat antara peringkat pengajian, sebaliknya fokus kajian literatur hanya pada satu peringkat pengajian sahaja. Oleh itu

mungkin memberikan dapatan berbeza. Sebagai kesimpulan, faktor kognitif dan aras pemikiran boleh diambil kira pada usaha meningkatkan kefahaman kewajipan solat dalam kalangan pelajar.

12. IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberi implikasi pelaksanaan program peningkatan pemahaman kewajipan solat yang mengambil kira pencapaian akademik. Sebagai contoh, menggunakan kaedah bercerita kisah tauladan dan santai dalam pengajaran kepada pelajar aras sederhana dan lemah. Manakala penyampaian berbentuk kritis, logik, dan mencabar pemikiran lebih sesuai kepada pelajar aras tinggi.

Perbincangan dan kesimpulan tahap kefasihan bacaan Al-Fatihah memberi implikasi kepada para pendidik untuk membantu pelajar meningkatkan kefasihan membaca Al-Quran dengan menilai faktor individu, latar belakang keluarga, dan penguasaan tajwid. Pelajar juga perlu diberi kefahaman mengenai kepentingan dan kelebihan membaca Al-Quran.

Seterusnya pelaksanaan program peningkatan kefasihan bacaan Al-Quran terutama Al-Fatihah dan kefahaman solat perlu fokus mengikut peringkat pengajian. Pelajar diploma perlu diberi dua sesi khusus; ‘klinik Al-Fatihah’ dan kewajipan solat. Manakala pelajar degree dan peringkat lebih tinggi mengikuti program ibadat merangkumi bacaan kefasihan bacaan Al-Fatihah dan kewajipan solat

13. CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan perbincangan dan kesimpulan, dicadangkan kajian khusus dalam kalangan pelajar pelbagai peringkat; sijil, diploma, dan degree dalam pelbagai bidang serta pengaruh kognitif dan aras pemikiran dalam memahami konsep dan pelaksanaan ibadat secara menyeluruh.

Seterusnya faktor individu seperti daya usaha, kesedaran kepentingan Al-Quran, dan pengaruh latar belakang keluarga diandaikan sangat mempengaruhi tahap kefasihan bacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan bagi mendalami pengaruh faktor berkenaan kepada tahap pembacaan Al-Quran.

Dicadangkan juga untuk mendalami pengaruh faktor peringkat dan program pengajian, tahap kognitif dan aras pemikiran, didikan agama, dan latar belakang keluarga kepada kefasihan bacaan Al-Quran dan kewajipan solat. Hasil kajian penting bagi mengenal pasti apakah faktor perlu difokuskan pada pelaksanaan program peningkatan ibadat dalam kalangan pelajar.

14. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan khusus untuk semua pensyarah kursus kemahiran Insaniah, semester 1 sesi 2021/22 dan para fasilitator Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang atas sumbangan proses analisis kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Adnan, A. A., Baru, R., dan Zahari, A. A. I. C. (2016). Principles of Islamic Management Based on Surah al-Fatihah. *Social Sciences (Pakistan)*, 11(22).
<https://doi.org/10.3923/sscience.2016.5467.5476>
- Aerisuli Awang. (2011). Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Ahmad Rozaini Ali Hasan, Sharifah Anom Omar, dan Wan Ariffin Wan Yon (2009). *Kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Sarawak*. Laporan Penyelidikan. Universiti Teknologi MARA.

Ali, M. S., Ismail, M. S., Hishamudin, W., Jusoh, W., Hadzrullathfi, S., Omar, S., dan Razak, R. A. (2018). Healing Stress through Surah Al-Fatihah: An alternative. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(8):175-180

Carlson, K.A dan Winquist, J.R (2018). *An Introduction to Statistics: An Active Learning Approach* (2nd Edition). USA: SAGE Publication.

Chua Yan Piaw (2012). *Asas Statistik Penyelidikan* (edisi kedua). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Diah, J. M., Azmi, E. A., Yahya, N. A., dan Zulkifli, A. R. (2019). Music And Al-Quran Sounds Effects on Driver Behaviour Due to Road Safety Purposes. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 512(1): 1-8 <https://doi.org/10.1088/1757-899X/512/1/012020>

Eva Ostertagová dan Oskar Ostertag. (2013). Methodology and Application of One-way ANOVA. *American Journal of Mechanical Engineering*, 1(7): 256-261. DOI:10.12691/ajme-1-7-21

Faiza Qureshi, Gareth Norris, Dennis Howitt, dan Duncan Cramer (2012). *Introduction to Statistics with SPSS for Social Science*. United State: Routledge

Hajah Doriani binti Haji Julaihi, Pg Dr Hjh Nur Ashikin binti Pg Hj Petra, dan Dr Hj Abu Bakar bin Madin. (2019). Penilaian Bacaan Surah Al-Fatihah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Amali Ugama di Negara Brunei Darussalam. *Kertas Kerja International Conference on Teacher Education 2019*.

Hanafi, Y., Murtadho, N., Ikhsan, M. A., Diyana, T. N., & Sultoni, A. (2019). Student's and Instructor's Perception toward the Effectiveness of E-BBQ Enhances Al-Qur'an Reading Ability. *International Journal of Instruction*, 12(3): 51-68. <https://doi.org/10.29333/iji.2019.1234a>

Hasna Bidin dan Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah (2020). Kajian Pemahaman Dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Di Kolej Komuniti Bandar Penawar Dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(2020): 1-14.

Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, dan Mohd Ismail Mustari. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(3): 21 - 34. DOI: 10.11113/sh.v5n3.663

Ibrahim, S. Z., Norsaadah Din, dan Muhammad Izzat Ngah. (2017). Cabaran Pengajaran Kelas Pengukuhan al-Quran: Tinjauan Terhadap Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017 (Pasak 2017)*.

Ikmal Zaidi B. Hashim, Muhammad Izzat B. Ngah, dan Muhammad Farid Ravi B. Abdullah. (2017). Implikasi Waqf dan Ibtida' terhadap Bacaan Surah al-Fatihah dalam Solat: Perbandingan antara Tajwid dan Fiqh. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2017, 57–65.

Kaur P, Stoltzfus J, dan Yellapu V. (2018). Descriptive Statistics. *International Journal of Academic Medicine*, 4(1): 60-63. DOI:10.4103/IJAM.IJAM_7_18

Knapp, H. (2016). *Introductory Statistics Using SPSS* (2nd Edition). United State: Sage Publishing.

Lubis, M. A., Nordin, N., Embi, M. A., Daud, M. Y., Din, R., Karim, A., dan Al-Ganzouri, F. M. (2013). Development And Evaluation of A Multimedia Software (Smart Solat) for J-QAF Program for Malaysian Primary Schools. *Research Journal of Applied Sciences*, 8(1). <https://doi.org/10.3923/rjasci.2013.5.8>

Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiben Abdul Rahman, dan Affendi Ismail. (2019). Pembentukan Sahsiah Pelajar Muslim Dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan AMalan Solat. Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Komtemporari*, 20(1): 49-65.

Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli. (2021). Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1): 1–13. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.91>

Mohd. Aderi Che Noh. (2015). Profil Demografi Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (Psmza) Dalam Pembacaan Al- Quran. *Academia Journal UiTMT*, 4(2).

Mohd Faizal Mat Pesa, Khadijah Abdul Razak, dan Mohamad Faizal Ahmat. (2012). Penggunaan dan Kesalahan Bacaan dalam Surah Al-Fatiyah dikalangan PelajarDKA 1A Sesi Dis 2012: Satu Kajian Tindakan. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan Islam (SePPIM`13)*.

Mohd Farid Hafidz Ahmad dan Mohamad Khairi Haji Othman (2016). Pusat Islam POLIMAS: Penglibatan Program Dakwah dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat dan Pengamalan Akhlak Pelajar. *Proceedings of The International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1(2016): 653–662. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.537>

Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiben Abdul Rahman, dan Affendi Ismail. (2018). Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Al-Basirah*, 8(2): 11–22.

Mohd Safri Ali, Mohd Sani bin Ismail, Wan Hishamudin Wan Jusoh, dan Syed Hadzrullah Syed Omar (2018). Anxiety Therapy By Practising And Reciting Al-Fatiha Sura: An Alternative Remedy. *International Journal of Civil Engineering and Technology*. 9(8): 175–180.

Mohd Zainal Abidin bin Che Mood, Mohd Aminuddin bin Ab Rahaman, Nurul Huda binti Mohd Bisri, dan Norlela binti Ali. (2015). Amalan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Pismp Semester 3 Ambilan Januari 2012. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*. 2015

Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan, dan Ab. Halim Tamuri. (2009). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 29–40.

Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azman Che Mat, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Mohd Khairul Anuar Ismail, dan Zawiah Seman. (2018). Khusuk Dalam Melaksanakan Ibadah Solat: Peranannya Dalam Mencegah Perkara Keji Dan Mungkar. *E-Academia Journal*, 7(1): 108–119. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/JeA/article/view/3927/999>

Nur Hidayah Zainal, Syuhaida Idha Abd Rahim, dan Siti Khurshiah Mohd Mansor. (2021). The Level of Understanding and Factors to Perform Obligatory Prayers among UiTM Shah Alam Students. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(2): 1–13.

Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin, dan Asmawati Suhid. (2016). Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat guru Pendidikan Islam Menurut Prespektif Murid. *Online Journal of Islamic Education*, 4(2): 46–53. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5231>

Obilor, E.I., dan Amadi, E.C. (2018). Test for Significance of Pearson's Correlation Coefficient. *International Journal of Innovative Mathematics, Statistics & Energy Policies*. 6(1): 11–23.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2016). *Al-Kafi #489: Adakah Batal Solat Jika Membaca Al-Fatiyah Tanpa Tajwid?* Capaian di <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1040-al-kafi-489-adakah-batal-solat-jika-membaca-al-fatihah-tanpa-tajwid>. Capaian pada 01 Dis. 2021

Ruhaida Abdullah dan Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). Pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1): 1–16.

Shukri Ahmad, Yahya, D., Wan Abd Rahman Khudri, W. A., Madiha, M. I., dan Shahril Fazli, M. H. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimaranan Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR 2014*, 2014(June).

Syed Zohaib Hassan, Naqvi Muhammad Umar Khan, Sumair Aziz, Hafiz Adnan Aslam, Muhammad Hamza Tariq, dan Muhammad Atif Imtiaz. (2020). *Effect of Al-Quran Recitation on Human Physiology*. 2020 International Conference on Electrical, Communication, and Computer Engineering. 12-13 June 2020. <https://doi.org/10.1109/ICECCE49384.2020.9179455>

Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Mohd Rasyidi Ali, Abdul Hadi Awang, dan Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib. (2017). Tahap Kefahaman Terhadap Surah Al-Fatihah Dalam Kalangan Mahasiswa Pusat Asasi KUIS. *Prosiding National Pre-University Seminar 2017*.

Ahmad Muhamimin bin Mohamad (Coressponding author)
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: amuhaimin@ump.edu.my

Rohana binti Hamzah
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: rohanahamzah@ump.edu.my

Anita binti Abdul Rani
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: anita@ump.edu.my

Rashidi bin Abbas
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: rashidi@ump.edu.my

Mohd Suhardi bin Mat Jusoh
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: suhardi@ump.edu.my

Siti Fatihah binti Ghazali
Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang,
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: sitifatihah@ump.edu.my

Nurul Fatihah binti Abdul Rahman
Pusat Islam dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Email: nurulf@ump.edu.my